

# Dr Mahathir sendiri tetapkan tarikh berundur

SH 28 JUN 2002

Oleh Azmi Md Deros ---

IPOH, Khamis - Hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan semua jawatan dalam parti kerajaan selepas Oktober 2003 adalah keputusannya sendiri, bukannya hasil kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob menegaskan, pemilihan tarikh itu diberikan sendiri oleh Dr Mahathir kepada Jawatankuasa Pengurusan Umno dalam pertemuan di Putrajaya, Ahad lalu.

Dalam pertemuan itu, katanya, Dr Mahathir menjelaskan beliau mahu

mempengerusikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Perundangan Islam (OIC) Oktober tahun depan dan sehingga tarikh itu, akan meneruskan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu menemui Perdana Menteri untuk mendengar versi Dr Mahathir mengenai pengumumannya untuk meletak jawatan ketika menggulung perbincangan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 Sabtu lalu.

"Kita pergi atas mandat yang diberi oleh Majlis Tertinggi untuk mendengar versi beliau... versi adalah perkataan penting di sini. Bukannya

jawatankuasa ini berjumpa beliau untuk berunding.

"Kita tak nun cadangkan (tarikh berundur)," katanya kepada pemberita selepas mengetuai delegasi ke mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan yang bermula di sini, hari ini.

Khalil berkata, kekeliruan timbul kerana sebuah akhbar melaporkan bahawa kompromi atau tolak ansur telah dicapai dalam pertemuan antara Dr Mahathir dengan jawatankuasa pengurusan diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

*Utusan Malaysia* dalam laporan

muka depannya Isnin lalu memetik Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata MT akan mengumumkan 'tolak ansur' yang dipersetujui dalam pertemuan itu.

Khalil berkata,, dalam pertemuan dengan jawatankuasa pengurusan Umno, Dr Mahathir menceritakan bukan saja maksud dan ketegasannya untuk berundur, tetapi juga menyampaikan mesej kepada MT mengenai harapan dan perkara yang ingin dilihatnya.

"Sebahagian ini terkandung dalam kenyataan yang dibuat Selasa lalu.

Ini termasuk hasrat beliau untuk

mempengerusikan mesyuarat OIC selama berada dalam jangka masa peralihan dan juga memegang jawatan Menteri Kewangan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri turut menceritakan latar belakang kenapa membuat pengumuman Sabtu lalu dan jawatankuasa pengurusan menghormati setiap perkataan yang dinyatakannya dan semua itu disampaikan kepada MT.

Khalil bagaimanapun tidak pasti apabila ditanya sama ada Dr Mahathir bemiak hendak mengumumkan tarikh peletakan jawatannya ketika menggulung perbincangan dalam perhimpunan itu.